

# **ISU DAN CABARAN KAWAL SELIA DAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN 1984**

Noor Aziah Abdullah, Mohd Hizam Hanafiah, Ahmad Shamsul Abd Aziz,  
Mohamad Rashidi Wahab, Norhanita Kayat

## **ABSTRACT**

*The Printing Presses and Publications Act 1984 (AMCP 1984) provides the Home Minister with the power to issue a Prohibition Order (PL) against any undesirable publication. However, PL against undesirable publication results is often challenged through judicial review. Up to now, 8 cases have been challenged in which 4 cases have been cancelled PL while 4 cases are still ongoing. Therefore, this study aims are identifying the challenges and enforcement issues under the Printing and Publication Act 1984; ii) To discuss aspects of improving the Printing Presses and Publication Act 1984 to increase the efficiency of enforcement and regulation of publishing materials. A fully qualitative method was implemented to obtain research data, namely, document analysis involving journal articles, press releases, Acts in Malaysia, and laws of other countries. In order to strengthen the findings, focus group discussions involving 4 dimensions, namely religion, morality, security, and law, were also carried out in addition to case studies at the country's entrance. The findings of the study found that the vagueness and ambiguity of AMCP 1984, the absence of experts in providing recommendations/proposals for PL applications, political interference, and non-uniformity of fatwas between the National Islamic Religion Department and others. This study suggests the enactment of a new act with the addition of a provision for online media. This study is expected to contribute to the improvement of the AMCP 1984, which was last amended in 2012, and at the same time to strengthen regulation and enforcement under the AMCP 1984.*

**Keywords:** *Publication, AMCP, Undesirable Publication, New Act*

## **ABSTRAK**

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (AMCP 1984) memperuntukkan kuasa kepada Menteri Dalam Negeri (MDN) untuk mengeluarkan Perintah Larangan (PL) terhadap mana-mana hasil penerbitan yang tidak diingini. Namun demikian, PL terhadap hasil penerbitan tidak diingini sering dicabar melalui semakan kehakiman. Sehingga kini, 8 kes telah dicabar di mana 4 kes telah dibatalkan PL manakala 4 kes masih berjalan. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti cabaran dan isu penguatkuasaan di bawah AMCP 1984 ii) Membincangkan aspek penambahbaikan AMCP 1984 bagi meningkatkan kecekapan penguatkuasaan dan kawal selia terhadap bahan penerbitan. Untuk mendapatkan data kajian, kaedah kualitatif sepenuhnya dilaksanakan iaitu analisis dokumen yang melibatkan Artikel Jurnal, Berita Akhbar, Akta-akta di Malaysia dan undang-undang negara lain. Bagi memantapkan dapatan, perbincangan kumpulan berfokus yang melibatkan 4 dimensi iaitu agama, moral, keselamatan dan undang-undang turut dilaksanakan di samping kajian kes di pintu masuk negara. Dapatan kajian mendapati bahawa kelompongan dan kecaburan AMCP 1984, ketiadaan pakar dalam memberikan syor/cadangan permohonan PL, campurtangan politik, ketidakseragaman fatwa antara Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan lain-lain lagi. Kajian ini mencadangkan penggubalan akta baharu dengan penambahan peruntukkan terhadap media atas talian. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada penambahbaikan AMCP 1984 yang terakhir melalui pindaan pada tahun 2012 dan dalam masa yang sama dapat memperkasakan kawal selia dan penguatkuasaan di bawah AMCP 1984.

**Katakunci:** *Penerbitan, AMCP, Perintah Larangan, Pengubalan Akta Baharu*

## **1. PENGENALAN**

Setiap negara mempunyai undang-undang penerbitan yang tersendiri. Sejarah kawalan percetakan di Malaysia bermula pada tahun 1806 lagi apabila Gabenor Philip Dundas mengeluarkan beberapa arahan terhadap usahawan Inggeris yang memohon untuk menerbitkan akhbar pertama di Pulau Pinang, iaitu akhbar Prince Wales Island Gazette (Mohd Safar Hashim, 1996). Sehubungan itu, kelulusan yang diberikan oleh Mesyuarat Majlis Fort Cornwallis antara lain menyebut bahawa pemberian lesen adalah tertakluk kepada beberapa peraturan, kawalan dan sekatan. Sekatan yang dimaksudkan adalah penapisan ke atas kandungan akhbar di mana pencetak perlu menyerahkan '*proof sheet*' kepada Setiausaha Kerajaan bagi tujuan penapisan. Syarat ini bertujuan untuk menyemak dan membuang apa-apa kandungan yang boleh mendatangkan kebimbangan dan mudarat kepada kerajaan, masyarakat dan keselamatan negara (Mohd Safar Hashim, 1996).

Dalam konteks Malaysia pada hari ini, penguatkuasaan dan pengawalseliaan terhadap bahan-bahan percetakan dan penerbitan, begitu juga berkaitan mesin cetak, adalah berpandukan kepada kuasa yang diperuntukan di bawah AMCP 1984 yang turut dikenali sebagai *Printing Presses and Publications Act 1984*. Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan (PKK) (dahulu Bahagian ini dikenali sebagai Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks al-Quran) merupakan bahagian utama yang dipertanggungjawabkan terhadap AMCP 1984 ini untuk menjalankan tugas penguatkuasaan dan pengawalseliaan, iaitu bertujuan, “bagi memastikan keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat terpelihara melalui pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan berkaitan percetakan dan penerbitan secara telus, berkesan dan berterusan” secara menyeluruh (<https://www.moha.gov.my/>).

Secara lebih khusus, AMCP 1984 ialah suatu akta yang digubal untuk mengawal selia penggunaan mesin cetak dan percetakan, pengimportan, pengeluaran, penghasilan semula, penerbitan dan pengedaran bahan penerbitan serta mengawal hasil kandungan tidak diingini. Akta ini mula berkuat kuasa pada 28 Jun 1984 dan kali terakhir dipinda pada 15 Julai 2012. Secara umumnya, akta ini merangkumi beberapa perkara berkaitan pelesenan

mesin cetak, permit penerbitan dan kawalan bahan penerbitan tidak diingini seperti mana diperuntukan di bawah seksyen 7(1) AMCP 1984 yang menetapkan bahawa sesiapa pun tidak boleh mencetak, menyalin atau menghasil semula apa-apa dokumen tanpa lesen mesin cetak yang dikeluarkan oleh MDN. AMCP 1984 juga menggariskan bahawa sesiapa pun tidak boleh mencetak apa-apa akhbar yang berkaitan dengannya tanpa permit yang dikeluarkan oleh MDN.

Bagi kawalan bahan penerbitan tidak diingini, MDN boleh memberi kepada mana-mana orang suatu lesen bagi menyimpan mesin cetak untuk digunakan atau menggunakan mesin cetak dan dia boleh menolak mana-mana permohonan untuk mendapatkan lesen sedemikian atau boleh pada bila-bila masa membatalkan atau menggantung lesen itu selama apa-apa tempoh yang difikirkan wajar mengikut seksyen 3(1)(3) AMCP 1984. MDN melalui perintah yang disiarkan dalam Warta melarang pencetakan, pengimportan, penghasilan, penghasilan semula, penerbitan, penjualan, pengeluaran, pengelilingan, pengedaran atau pemilikan hasil pengeluaran itu dan hasil pengeluaran masa hadapan jika penerbitan tersebut memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan, kepentingan awam, kepentingan negara, moral, menggemparkan fikiran orang ramai, berlawanan atau mungkin berlawanan.

Namun landskap penerbitan terkini khususnya media telah mengalami perubahan mendadak selaras dengan RI 4.0. Antaranya cabaran pendemokrasian media, merujuk kandungan media yang tidak lagi dikuasai sepenuhnya oleh sesuatu entiti seperti kerajaan atau menteri, korporat atau organisasi politik. Sebaliknya, kandungan media dipacu oleh suara dan pendapat khalayak yang mempunyai akses kepada teknologi komunikasi dan internet. Khalayak kini mampu membina kandungan media sendiri, menyuarakan pendapat dan menarik pengaruh, peminat serta penyokong. Contohnya, media baharu digunakan oleh pengkritik kerajaan untuk mengumpul penyokong dan memberi pendapat alternatif yang selalunya tidak sejajar dengan pendirian kerajaan. Kesannya, polisi atau dasar kerajaan hari ini tidak lagi kebal dari kritikan dan jauh sekali ia menjadi satu alat pemujuk mutlak yang tidak tercabar (Ahmad Sauffiyan Hassan, 2019). Justeru, bagi

menghadapi perkara sebegini, KDN dilihat perlu mengkaji semula AMCP 1984 agar selari dengan kehendak dan keperluan semasa.

Berdasarkan pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi dalam penguatkuasaan dan kawal selia AMCP 1984 ini, maka tindakan drastik harus diambil selaras dengan pembentukan RMK12 , yang turut memberi tumpuan khusus demi menjamin keselamatan dan kedaulatan negara serta memperkuuhkan perpaduan rakyat. Ia dilihat bertepatan dengan Teras 4 iaitu meningkatkan pertahanan, keselamatan, kesejahteraan dan perpaduan. Usaha bagi mencapai matlamat ini, dapat dicapai melalui strategi A3 dengan menumpukan kepada memperkuuhkan tadbir urus keselamatan. Langkah ini turut melibatkan penambahbaikan terhadap undang-undang mengenai keselamatan dan ketenteraman awam. Oleh yang demikian, PKK telah mengambil langkah yang proaktif dengan mengusulkan kajian keberkesanan penguatkuasaan dan kawal selia penerbitan di bawah AMCP 1984. Ini sejajar dengan tujuan kajian antaranya adalah mengenalpasti cabaran dan isu penguatkuasaan, penambahbaikan dan memperkasakan penguatkuasaan serta kawal selia AMCP 1984.

## **2. SOROTAN KARYA**

### **2.1 Dimensi Moral**

Media massa juga memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat kepada masyarakat kerana ia dapat mempengaruhi dan memberi kesan yang besar bagi mewarnakan gagasan kemanusiaan. Media massa merupakan salah satu bentuk kemajuan teknologi informasi dan komunikasi, melalui media massa yang semakin banyak berkembang memungkinkan penyebaran informasi dengan mudah kepada masyarakat. Informasi dalam bentuk apapun dapat disebarluaskan dengan mudah dan cepat sehingga mempengaruhi corak pandangan, gaya hidup, serta budaya suatu bangsa. (Sohana Abd Hamid, 2016). Media massa juga memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat kepada masyarakat kerana ia dapat mempengaruhi dan memberi kesan yang besar bagi mewarnakan gagasan kemanusiaan (Abdul Munir, 2016).

Salah satu media massa yang turut memberi pengaruh yang besar adalah akhbar. Menurut Maslinda Yusof et. al. (2021), akhbar merupakan satu saluran yang amat penting dalam menyampaikan peristiwa melalui berita pada kawasan setempat, dalam negara atau seluruh dunia. Sarjana ini turut menegaskan bahawa akhbar menanggung tangungjawab yang besar dari segi penyampaian berita dan kebenaran kepada masyarakat. Ini adalah kerana, wartawan dan editor berperanan membentuk pemikiran, pendapat dan persepsi masyarakat terhadap sesuatu isu sama ada baik atau buruk, betul atau tidak (Shahrul Nazmi & Ong, 2016). Berita yang dimuatkan di halaman hadapan dalam sesebuah akhbar ditentukan oleh kekuatan dan daya tarikan yang dimiliki berita tersebut (Oyero, 2011). Malah, berita yang dimuatkan di halaman hadapan berpotensi menarik pembaca untuk membacanya secara berulang kali berbanding berita di halaman dalam dan belakang (Carol & McCombs, 2003). Selain itu, tajuk berita bertindak sebagai pelopor kepada sesebuah pelaporan berita (Javed dan Mahmood, 2011). Tajuk menggambarkan rumusan tentang berita yang dilaporkan dan ia berperanan untuk menarik perhatian pembaca.

Azlizan dan Norlilawati (2020) pula menegaskan bahawa akhbar memainkan peranan dalam menyampaikan maklumat kerajaan kepada rakyat. Ini adalah kerana melalui tulisan yang dipaparkan dalam akhbar dapat dikatakan bahawa akhbar telah menjadi penyampai mesej pemerintah kepada khalayak dan turut menjadi medium untuk mengendurkan ketegangan yang berlaku sebelumnya.

Fakta ini ditekankan lagi oleh Al-Saedi dan Jabber (2020) yang mendapati bahawa berita boleh menjadi tarikan kepada sekumpulan orang atau berita boleh memberi kesan terhadap kehidupan sekumpulan orang ramai. Salah satu tarikan pantas sesuatu laporan berita ialah perhatian kepada tajuk berita (*headlines*) dalam akhbar. Kenyataan ini turut disokong oleh Shahrul Nazmi & Ong (2016) yang menyatakan bahawa sesebuah berita yang sempurna bukan sahaja mementingkan kandungan berita dan gambar malahan juga tajuk berita tersebut. Malah, menurut Maslinda Yusof et.al (2021), pembaca tidak akan tertarik atau meneruskan pembacaan mereka tanpa melihat atau mengimbas berita utama atau tajuk berita akhbar. Ini disebabkan

tajuk berita berperanan untuk menarik perhatian pembaca untuk membaca laporan berita atau akhbar.

Media turut memainkan peranan dalam menyokong dan menyebarkan ideologi. Ini berlaku secara mediasi iaitu secara langsung dan tidak langsung melalui laporan berita terutamanya dalam penggunaan bahasa berita (Larana, 1994). Ulum (2016) menyiasat ideologi di sebalik krisis Syria (pelarian) dalam tajuk utama akhbar yang ditulis berdasarkan sudut pandangan silang budaya untuk mendedahkan ideologi berbeza editor dalam akhbar yang berbeza. Manakala Abdi & Basarati (2016) menyiasat penyebaran ideologi dalam laporan akhbar berhubung krisis di Yaman dengan mengambil contoh tajuk utama akhbar Iran, Arab dan Barat. Kajian ini mendapati bahawa terdapat perbezaan pandangan ideologi di rantau Arab dengan ideologi sekular Barat dalam wacana pelaporan berita dalam akhbar bahasa masing-masing berhubung krisis Yaman (Abdi & Basarati, 2016). Justeru, peranan akhbar bukan sahaja menyebarkan maklumat atau berita malah turut digunakan sebagai medium penyebaran ideologi.

Justeru, media merupakan elemen yang paling penting dalam pembangunan kebebasan bersuara. Perkembangan ini turut meliputi negara lain seperti Pakistan yang terbukti mempunyai banyak peraturan dan dikatakan sebagai peraturan yang tidak wajar dikenakan ke atas media dengan alasan untuk menjamin kepentingan negara. Ini berikutnya beberapa langkah yang telah diambil oleh kerajaan Pakistan antaranya adalah pada tahun 1963, Ordinan Akhbar dan Penerbitan digubal, penciptaan *National Press Trust* pada tahun 1964, pematuhan kepada pendaftaran Mesin Cetak dan Ordinan Penerbitan pada tahun 1988 dan sebagainya yang bertujuan untuk mengawal media. Malah pada 12 Oktober 1999, Perdana Menteri (pada ketika itu) Jeneral Pervaiz Musharraf telah mengenakan undang-undang tentera yang memperkenalkan dimensi baharu media terhadap politik. Kemudian, media beransur-ansur menuju ke arah kebebasan media (Parveen, S., & Bhatti, M. N., 2018).

## **2.2. Dimensi Agama**

Dimensi agama merupakan salah satu dimensi yang penting dalam AMCP 1984, khususnya melibatkan agama Islam, yang merupakan agama rasmi bagi Persekutuan seperti mana termaktub di bawah Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, didapati tidak banyak kajian yang melibatkan dimensi agama yang dikenakan dalam penulisan ilmiah. Antaranya tulisan daripada Radihan Saari (2011) yang menjelaskan tentang proses tapisan dan kawalan bahan penerbitan berunsur Islam oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Bagi melancarkan proses ini, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) sebuah jawatankuasa yang kini dikenali sebagai Jawatankuasa Penapisan Media Berunsur Islam (JPMBI) ditubuhkan.

Tapisan terhadap bahan penerbitan dibuat berdasarkan kepada Garis Panduan Penapisan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam dan garis panduan lain yang dikeluarkan oleh JAKIM. Dalam tulisan ini, Radihan turut menjelaskan beberapa isu yang timbul seperti peruntukan undang-undang terutamanya di negeri-negeri tidak digunakan sepenuhnya, kesukaran dalam proses pengharaman sesebuah buku serta kekurangan kakitangan dalam melaksanakan tapisan dan kawalan. Bagi menyelesaikan pelbagai masalah tersebut, beberapa cadangan telah dikemukakan iaitu melatih dan melahirkan kepakaran pegawai yang terlibat, menubuhkan jawatankuasa di peringkat negeri (JAIN) bagi membantu jawatankuasa di peringkat persekutuan (JAKIM), mengemaskini mekanisme penapisan dan pengawalan, menyelaras proses penapisan dan pengawalan dengan pelbagai agensi, mempercepatkan proses pengharaman atau pewartaan dan sentiasa mengadakan taklimat kepada penerbit, pengedar, pencetak serta penjual. Selain daripada penulisan ini, kebanyakan penulisan melibatkan isu kalimah Allah yang telah menjadi polemik sehingga kini.

## **2.3 Dimensi Keselamatan**

### **2.3.1 Keselamatan Negara**

Beberapa sarjana telah mengkonseptualisasikan keselamatan dengan memberi penekanan kepada ketiadaan ancaman terhadap keamanan, kestabilan, perpaduan nasional, objektif politik dan sosio ekonomi sesebuah negara (Igbuzor, 2011; Oche, 2001; Nwanegbo dan Odigbo, 2013). Justeru, konsep umum dalam perbincangan kesusasteraan kontemporari menjelaskan bahawa keselamatan adalah penting untuk perpaduan negara, keamanan dan pembangunan mampan. Dalam komuniti perisikan, terdapat konsensus bahawa keselamatan bukanlah ketiadaan ancaman atau isu keselamatan tetapi kewujudan mekanisme yang mantap untuk bertindak balas secara proaktif terhadap cabaran yang ditimbulkan oleh ancaman ini dengan kesesuaian, kepakaran dan dalam masa yang nyata. (Kallah, A. Y. et.al (2022).

### **2.3.2 Impak Media Sosial Kepada Keselamatan Negara**

Penggunaan media sosial dalam masyarakat berupaya memberi kesan kepada tindakan memprotes politik sesebuah negara. Kesan ini dilihat lebih ketara kepada masyarakat apabila tahap kemarahan dan keganasan meningkat, pelbagai bentuk media tidak kira sama ada *facebook*, *twitter*, *Instagram*, laman web dan sebagainya boleh berfungsi sebagai pendorong untuk meningkatkan lagi kemarahan dan bangkangan terhadap perkara tersebut (Wolfsfeld, Segev & Sheaffer, 2013).

Media baharu khususnya media sosial telah membuka pintu dan mendedahkan orang ramai yang sebelum ini ‘dibotolkan’ dalam persekitaran mereka sahaja dan kini pendedahan kepada persekitaran dunia luar yang bukan sahaja mampu menimbulkan ancaman kepada keamanan dan keselamatan global. Kemunculan media baharu dikatakan turut mengubah suasana suram industri media cetak kepada yang lebih baik di mana mereka di dalam media cetak telah menyesuaikan diri dengan strategi ‘*media convergence*’ yang membolehkan industri media cetak bersaing dengan lebih baik di pasaran (Agbanu, V. N., Obeta, C., & Ezekwelu, K.,2015).

Kemunculan internet dengan trend baru di mana hampir semua orang menjadi penyedia dan pengguna kandungan dengan memuat turun serta memuat naik kandungan media tanpa ada sekat. Menerusi blog misalnya, ia telah menjadi suatu terbitan laporan yang tidak dapat dipaparkan dalam media tradisional. Situasi ini bercanggah dengan ciri-ciri media tradisional di mana kandungan ditapis dan dikawal dengan pelbagai rantaian penjaga pintu (gate keeper). Keadaan ini membawa kepada kehidupan yang bebas di mana pertimbangan etika, undang-undang dan moral tidak dapat mempengaruhi kandungan media baharu (Agbanu, V. N., Obeta, C., & Ezekwelu, K, 2015).

## **2.4 Perbandingan undang-undang dengan negara Lain**

Kerajaan Singapura mengawal penerbitan tempatan melalui Newspaper and Printing Presses Act 1974 (NPPA) manakala hasil penerbitan tidak diingini termasuk penerbitan import melalui Undesirable Publications Act 1967 (UPA). NPPA merupakan asas undang-undang yang digunakan untuk melindungi kepentingan negara Singapura terutamanya dari segi keselamatan dan keharmonian kaum dengan tidak menjaskannya kebebasan bersuara dan kebebasan untuk mendapatkan maklumat. Justeru, matlamat utama NPPA adalah:

- i. Menyediakan suasana pembangunan yang sihat dan operasi media cetak yang betul demi kepentingan Singapura.
- ii. Secara keseluruhan, Kerajaan Singapura menggunakan pendekatan “*light touch*” terhadap internet. Walau bagaimanapun, akhbar dalam talian terpilih yang melaporkan isu Singapura akan dilesenkan dan tertakluk kepada syarat (contoh sekatan pembiayaan asing, pematuhan kepada arahan alih keluar). Bagi memastikan tiada campur tangan entiti asing dalam politik domestik Singapura yang boleh mengawal atau memanipulasi platform media tempatan, maka kategori Pemegang Lesen Kelas Berdaftar (RCL) dibentuk. Antara lain, kandungan dalam kategori pemegang lesen ini adalah tapak web yang terlibat dalam penyebaran, promosi atau perbincangan isu politik mungkin perlu berdaftar dengan IMDA dan tertakluk kepada sekatan pembiayaan asing (FFR). Di samping itu, pembiayaan asing hanya dibenarkan melibatkan pengiklanan atau melanggan laman web bagi tujuan komersial

sahaja. Sebagai contoh, pihak Singapura tidak teragak-agak mengambil tindakan dengan membatalkan lesen dalam kelas ini terhadap The Online Citizen Pte Ltd pada Oktober 2021 dan tindakan diambil oleh IMDA (Laporan Mesyuarat KDN/ Singapura, 2022)

### **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini menumpukan kepada dua objektif utama yang bertitik tolak dari permasalahan kajian. Pertama, artikel ini menumpukan kepada mengenalpasti cabaran dan isu penguatkuasaan di bawah AMCP 1984 dan kedua, membincangkan aspek penambahbaikan dan meningkatkan kecekapan penguatkuasaan dan kawal selia di bawah AMCP 1984.

### **4. METODOLOGI KAJIAN**

a) Analisis dokumen - Analisis kandungan dokumen (*content analysis*) daripada pelbagai bahan rujukan berkaitan AMCP 1984 seperti Artikel Jurnal, Berita Akhbar, Akta-akta di Malaysia, dan Undang-undang negara lain. Di samping itu, kajian ini turut menggunakan kaedah Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD), Temubual Mendalam, Kajian Kes, Seminar, Townhall (Libat Urus) dan Perbincangan Meja Bulat (RTD).

#### **b) Triangulasi Kajian**

Bagi meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan kajian, tiga triangulasi akan dijalankan iaitu:

- i. **Triangulasi data** - pelbagai sumber data primer dan sekunder akan dikumpul dan dianalisis. Ini melibatkan data dari pelbagai pihak berkepentingan, jabatan kerajaan dan bahan-bahan berkaitan AMCP 1984.
- ii. **Triangulasi pengkaji** – Terdapat empat (4) pengkaji dari pelbagai latar belakang dalam kajian ini iaitu dalam bidang:
  - i) Media
  - ii) Keselamatan
  - iii) Agama
  - iv) Undang-undang

- iii. ***Triangulasi teknik kajian*** – Kepelbagaiannya teknik melibatkan temubual mendalam, FGD, kajian kes Seminar dan RTD akan memberikan hasil kajian yang lebih menyeluruh dan tepat.

## **4.1 FASA DALAM KAJIAN**

Secara lebih jelas, metodologi kajian ini dapat dibahagikan kepada lima (5) fasa berikut:

### **4.1.1 Fasa 1: Sorotan Karya dan Pengenalpastian Masalah**

Penyelidik akan melakukan sorotan karya bagi meningkatkan pengenalpastian terhadap masalah kajian dan keperluan serta kelompongan kajian terdahulu. Tinjauan terhadap kajian lepas dilakukan untuk mendapatkan asas teori dalam membangunkan instrumen kajian ini. Analisis dokumen sama ada tesis, artikel jurnal, bahan berita, laporan mahkamah dan prosiding kes berkaitan AMCP 1984 perlu dijalankan.

*Contohnya pada 18 Disember 2020, Kementerian Dalam Negeri telah mewartakan perintah larangan terhadap dua penerbitan, antaranya adalah buku, 'Gay is OK! A Christian Perspective' di bawah Seksyen 7(1) AMCP 1984, berkuat kuasa 27 November 2020. Namun begitu. Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Noorin Badaruddin dalam keputusan semakan kehakiman yang difailkan oleh penulis buku tersebut, Ngeo Boon Lin dan penerbit buku berkenaan, Chong Ton Sin selaku pemohon telah menolak perintah larangan tersebut. Menurut Hakim tersebut, perintah larangan adalah tidak masuk akal kerana buku itu telah berada dalam pasaran lebih dari tujuh tahun dan penulisnya tidak diberikan peluang untuk didengar (right to be heard) dan menjawab segala dakwaan berkaitan buku terbabit. Berdasarkan alasan penghakiman ini, maka kajian perlu mengenalpasti apakah kelompongan sedia ada dan apakah peruntukan dalam AMCP 1984 yang perlu ditambah baik untuk menutup kelompongan tersebut.*

#### **4.1.2 Fasa 2: Pembinaan Instrumen**

Penyelidik akan membangunkan senarai soalan bagi data kualitatif. Contoh senarai soalan yang boleh ditanya berdasarkan objektif kajian adalah:

a) Objektif 1: Mengenal pasti cabaran dan isu penguatkuasaan di bawah AMCP 1984;

- i. Apakah cabaran penguatkuasaan yang dihadapi oleh anda di bawah AMCP 1984?
- ii. Mengapakah cabaran ini timbul dalam menguatkuasa AMCP 1984?
- iii. Adakah cabaran ini berkaitan kelemahan atau kelompangan dalam AMCP 1984?
- iv. Jika cabaran ini tidak berkaitan kelemahan atau kelompangan dalam AMCP 1984, bagaimanakah cabaran ini boleh diatasi?
- v. Apakah isu utama yang dihadapi oleh anda dalam menguatkuasa AMCP 1984?
- vi. Mengapakah isu utama ini timbul dalam menguatkuasa AMCP 1984?
- vii. Adakah isu utama ini berkaitan kelemahan atau kelompangan dalam AMCP 1984?
- viii. Jika isu utama ini tidak berkaitan kelemahan atau kelompangan dalam AMCP 1984, bagaimanakah isu utama ini boleh diatasi?

b) Objektif 2: Membincangkan aspek penambahbaikan AMCP 1984 bagi meningkatkan kecekapan penguatkuasaan dan kawal selia terhadap bahan penerbitan;

- i. Apakah aspek penambahbaikan dalam AMCP 1984 bagi meningkatkan kecekapan penguatkuasaan dan kawal selia terhadap bahan penerbitan?
- ii. Apakah seksyen yang perlu dibuang/ditambahbaik? Mengapa?
- iii. Mengapakah penambahbaikan AMCP 1984 ini diperlukan?
- iv. Bagaimanakah penambahbaikan ini perlu dilakukan?
- v. Apakah amalan terbaik dari agensi lain yang boleh digunakan dalam menambah baik AMCP 1984?

- vi. Adakah wujud keperluan Seksyen 7 AMCP 1984 ditambah baik mengikut dimensi moral dan kepentingan awam, keselamatan, ketenteraman awam dan kepentingan negara dan agama?
- vii. Dari dimensi keselamatan, apakah impak sekiranya bahan-bahan bercetak yang berkaitan dengan dimensi keselamatan terdedah kepada masyarakat?
- viii. Apakah langkah yang harus diambil dalam menimbulkan kesedaran kepada masyarakat untuk melakukan penapisan kendiri?
- ix. Apakah elemen yang harus diambilkira dalam menentukan bahawa sesuatu bahan bercetak itu melanggar AMCP 1984 dari aspek keselamatan?
- x. Selain dari penguatkuasaan, apakah langkah yang wajar diambil bagi membendung penyebaran bahan-bahan bercetak yang melanggar AMCP 1984?
- xi. Penguatkuasaan memerlukan satu komitmen yang jitu dari semua pihak, apakah peranan yang harus dimainkan oleh individu, masyarakat, pengamal media dan kerajaan?

#### **4.1.3 Fasa 3: Pengumpulan Data**

##### **i. Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD)**

###### **Agensi Penguatkuasaan**

Elemen penguatkuasaan turut ditinjau bagi mendapatkan pandangan dan maklumat dari agensi penguatkuasaan yang lain. Maklumat sama ada SOP dan strategi penguatkuasaan dari agensi penguatkuasaan yang lain membantu memperkasakan kawal selia dan penguatkuasaan AMCP 1984.

**Tarikh: 4 Ogos 2022**  
**Tempat: Bilik Mesyuarat Tabah,**  
**KDN**

Bil	Agensi/ Pembentang	Masa
1.	Bahagian Kawalan dan Penguatkuasaan (BKK), Negeri Selangor, KDN	2.00 pm –2.20pm
2.	BKK Pelabuhan Kelang, KDN	2.30 pm –2.50pm
3.	Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)	2.50 pm –3.10pm
4.	Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)	3.10 pm –3.30pm
5.	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	3.30 pm –3.50pm
6.	Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ)	3.50 pm –4.15pm

**ii. Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD)  
Dimensi Moral dan Kepentingan Awam**

Dimensi moral dilihat dari segi bahan lucah, seks bebas, dan amalan seperti LGBTQ yang bertentangan dengan Islam sebagai agama persekutuan, serta perkara yang memudaratkan kepentingan awam. FGD ini diketuai oleh Dr. Noor Aziah Abdullah. Dua kali FGD dilakukan iaitu sesi pertama dengan wakil dari Pejabat Penapisan Filem, penerbit dan pencetak dan pemegang-pemegang permit penerbitan dan lesen mesin cetak. Sesi kedua melibatkan wakil dari penerbit akhbar, pengendali portal berita dalam talian dan pengimport, pengedar serta penjual bahan penerbitan. Setiap sesi melibatkan 8 hingga 12 peserta, dengan anggaran maksimum 24 peserta terlibat dalam kedua-dua sesi tersebut.

**Tarikh: 24 Ogos 2022**  
**Tempat: Bilik Mesyuarat Murni,**  
**KDN**

Bil	Agensi/ Pembentang	Masa
1.	Sister In Islam	2.00 pm – 2.20 pm
2.	Council of Church Malaysia	2.30 pm – 2.50 pm
3	Malaysian Tamilar Kural	2.50 pm – 3.10 pm
4	Malaysia Alliance of Civil Society (MACSA)	3.10 pm – 3.30 pm
5	<i>I-Peguam</i>	3.30 pm – 3.50 pm
6	Justice for Sister	3.50 pm – 4.15 pm
7	Centre of Independent Journalism	4.15 pm – 5.00 pm

**iii. Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD)  
Dimensi Keselamatan, Ketenteraman Awam dan  
Kepentingan Negara**

Dimensi ini meliputi aspek seperti fahaman komunis, kes keganasan, ajaran yang mendatangkan ancaman kepada keselamatan seperti Salafi Jihadi, anti-raja, fahaman pelampau bukan agama, sentimen kenegerian

yang melampau, sentimen perkauman, agenda Sabah/Sarawak keluar dari Malaysia, penyebaran rahsia negara dan aspek yang mengganggu-gugat keselamatan negara dan ketenteraman awam.

FGD ini dijalankan sebanyak dua kali dengan maksimum 12 peserta setiap sesi terlibat. Dalam FGD pertama, Prof. Madya Dr. Mohd Hizam Hanafiah mengetuai FGD ini dengan wakil dari Kementerian Dalam Negeri (KDN) (PKK,), Polis Diraja Malaysia (PDRM) (Cawangan Khas - E2, E3, E4 E6 dan E8), Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP) ATM, Bahagian Penyelidikan Jabatan Perdana Menteri, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Majlis Keselamatan Negara. FGD kedua melibatkan Jabatan Siasatan Jenayah PDRM, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti dan Bahagian Keselamatan KDN dengan maksimum 12 peserta akan terlibat.

**Tarikh: 3 Ogos 2022**

**Tempat: Bilik Mesyuarat Cempaka,  
KDN**

<b>Bil</b>	<b>Agensi/ Pembentang</b>	<b>Masa</b>
1.	Bahagian Keselamatan, KDN	9.30 am – 9.50 am
2	Urusetia Lembaga Pencegahan Jenayah dan Keganasan	10.00 am – 10.20 am
3	Polis Diraja Malaysia (Cawangan Khas – E2,E3, E4, E6 dan E8)	10.30am – 11.20 am

4	Bahagian Staf dan Perisikan Pertahanan (BSPP) ATM	11.30 am- 11.50 am
5	Bahagian Penyelidikan Jabatan Perdana Menteri	12.pm – 12.20 pm
6	Agensi Penguatkuasa Maritim (APMM)	12.20 pm – 12.45 pm
7	Majlis Keselamatan Negara (MKN)	12.45m – 1.15 pm

#### iv. Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD)

##### Dimensi Agama

Dimensi ini penting kerana melibatkan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang meliputi aspek agama Islam seperti ajaran sesat seperti Ajaran Tuhan Harun, Al-Arqam, ajaran yang terkeluar dari aliran ASWJ yang diamalkan di Malaysia (seperti Syiah dan Salafi Wahabi), dan ajaran yang difatwakan terkeluar dari Islam oleh negeri-negeri seperti Qadiani dan Ahmadiyah. Dalam masa yang sama, ajaran yang dianggap sesat dalam ajaran bukan Islam juga diliputi dalam aspek ini. Terdapat dua FGD diadakan iaitu FGD pertama melibatkan wakil JAKIM, JAIN dan Persatuan Peguam Muslim Malaysia, Persatuan Peguam Syarie Malaysia dengan peserta seramai 12 orang. FGD kedua melibatkan wakil dari Jabatan Perpaduan Negara, Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao Malaysia, Persatuan Hindu Sanggam, dan wakil agama-agama bukan Islam di Malaysia dengan anggaran peserta 12 orang, menjadikan maksimum 24 peserta dalam dimensi ini.

**Tarikh:** 25 Ogos 2022  
**Tempat:** Bilik Mesyuarat Murni,  
KDN

Bil	Agensi/ Pembentang	Masa
1.	Jabatan Agama Islam Kelantan	9.30 am – 9.50 am
2.	Jabatan Agama Islam Sarawak	10.00 am – 10.20 am
3.	Jabatan Agama Islam Johor	10.30am – 10.50 am
4.	Jabatan Agama Islam Wilayah	11.00 am – 11.20 am
5.	Jabatan Agama Islam Perak	11.30 am- 11.50 am
6.	Jabatan Agama Islam Selangor	12.00 pm – 12.20 pm
7.	Jabatan Agama Islam Terengganu	12.20 pm – 12.45 pm

v. **Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD)  
Aspek Undang-undang**

Perbincangan berkisar kepada AMCP 1984 secara menyeluruh. Dr. Ahmad Shamsul Abd Aziz mengetuai FGD AMCP 1984 dengan wakil dari Pejabat Penasihat Undang-undang Kementerian Dalam Negeri (PUU) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Jabatan Peguam Negara, Majlis Peguam Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Bahagian Hal-Ehwal Undang-Undang (BHEUU) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM); FGD ini hanya dijalankan sebanyak satu kali dengan maksimum 12 peserta terlibat.

**Tarikh: 24 Ogos 2022**  
**Tempat: Bilik Mesyuarat Murni,**  
**KDN**

Bil	Agensi/ Pembentang	Masa
1.	Jabatan Peguam Negara (AGC)	9.30 am – 9.50 am
2.	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM)	10.00 am – 10.20am
3.	Majlis Peguam Malaysia	10.30am – 10.50 am
4.	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)	11.00 am – 11.20am
5.	Pejabat Penasihat Undang-undang (PUU), KDN	11.30 am- 11.50 am
6.	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)	12.00pm – 12.20 pm
7.	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)	12.20 pm – 12.45pm

#### 4.2. Fasa 4: Analisis Data

Proses pengumpulan data direkod secara video dan/atau suara. Kemudian data ini ditranskripsi oleh Pembantu Penyelidik Berijazah (GRA). Seterusnya data ini dianalisa menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) dan analisis tematik (*thematic analysis*). Analisis impak kawal selia (*Regulatory Impact Analysis*) atau RIA turut diguna pakai bagi mengenal pasti dan menilai kesan positif dan negatif daripada peraturan berkanun yang dicadangkan atau sedia ada. RIA ialah proses perbandingan yang menggunakan kaedah penyelidikan dan analisis berangka, seperti analisis faedah/ kos, untuk menilai sama ada peraturan tertentu mampu mencapai objektif yang diingini dengan jayanya

## **PERBINCANGAN**

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi melalui perbincangan kumpulan berfokus (FGD) dari pelbagai dimensi iaitu agama, moral, keselamatan dan Undang-undang maka dapatan di bawah telah menjawab objektif 1 iaitu mengenalpasti cabaran dan isu penguatkuasaan di bawah AMCP 1984. Dapatan kajian menunjukkan cabaran ini dihadapi dari aspek kelompongan AMCP 1984 dan juga SOP KDN.

**Kuasa tangkapan dan siasatan di bawah AMCP 1984.** Seksyen 20 AMCP 1984 memperuntukkan kuasa tangkapan tanpa waran hanya kepada pegawai polis manakala tiada diperuntukkan kuasa siasatan yang nyata kepada anggota penguatkuasa. Ini mengakibatkan PKK perlu merujuk dan bergantung kepada pihak PDRM. Masalah ini bakal mendatangkan kesukaran bagi aktiviti siasatan terutamanya mengambil jangka masa yang lama.

**Campur tangan politik** – Perubahan tampuk pemerintahan khususnya Menteri yang memegang kuasa telah mengakibatkan sesuatu polisi sedia ada kerap berubah. Perkara ini merumitkan proses penguatkuasaan oleh sebab pihak penguatkuasa perlu merujuk polisi, undang-undang atau pekeliling yang berkemungkinan berubah mengikut pertukaran pemimpin.

**Desakan beberapa pihak berkepentingan** – AMCP 1984 dituduh sebagai akta yang mengawal dan menyekat oleh beberapa pertubuhan seperti badan bukan kerajaan (NGO), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan lain-lain yang telah melemparkan tuduhan bahawa AMCP 1984 tidak menepati tuntutan kebebasan bersuara dan hak asasi manusia. AMCP 1984 juga dituntut agar dibubarkan agar kebebasan media lebih terjamin dalam melaporkan sesuatu isu atau berita.

**Media baharu** – Cetakan dan penerbitan telah bergiat secara aktif dalam alaf dunia merentasi sempadan menerusi dalam talian. Hakikatnya, AMCP 1984 tiada peruntukan kawalan terhadap media baharu yang meliputi penggunaan pelbagai platform. Perkara ini menimbulkan rasa tidak senang di kalangan penerbit/pemegang lesen dan permit mesin cetak. Penerbit dan pencetak media tradisional ini merasakan ketidakadilan telah berlaku di mana hanya pihak

media tradisional sahaja yang perlu mengikuti syarat dan perintah oleh kerajaan yang memerintah.

**Perintah larangan tanpa rujukan pakar** – PL terhadap bahan penerbitan yang dikeluarkan oleh Menteri berdasarkan syor/cadangan yang dibuat oleh penguatkuasa. Hal ini perlu diambil perhatian memandangkan pegawai penguatkuasa tidak mempunyai kepakaran dalam sesuatu isu sebagai contoh keganasan, pelampau agama, elemen hasutan dan sebagainya. Sewajarnya, sesuatu keputusan atau PL yang dibuat oleh pihak Menteri perlu mendapatkan nasihat daripada pakar terlebih dahulu sebelum keputusan dibuat bagi mengelakkan kes dicabar di Mahkamah dengan berkeputusan PL dibatalkan.

**Keperluan pandangan daripada jabatan/agensi lain** – Kekurangan tenaga pakar telah menyebabkan strategi penguatkuasaan yang lebih efektif tidak dapat dilaksanakan. Oleh itu, kerjasama dan kepakaran dari agensi keselamatan yang lain diperlukan bagi memperkasakan penguatkuasaan AMCP 1984.

**Keterlewatan dalam mengambil tindakan** – KDN dikatakan tidak bertindak secara proaktif terutama dalam menangani isu-isu sensitif. Hanya setelah isu tersebut menjadi tular, barulah tindakan seterusnya diambil.

**Kekurangan tenaga pakar dalam bahasa ketiga** – Penerbitan dan percetakan yang kian kini melangkaui sempadan serta batasan telah memaksa pihak penguatkuasa dalam memerlukan pakar bahasa ketiga. Walaupun anggota penguatkuasa berjaya menguasai bahasa kebangsaan/rasmi (Melayu) dan bahasa antarabangsa (Inggeris), namun hal ini tidak mencukupi bagi menangani isu terbitan dan cetakan yang dibuat dalam bahasa lain. Kesukaran ini telah merencatkan operasi penyelidikan seterusnya penguatkuasaan terhadap sesuatu percetakan dan penerbitan yang menggunakan bahasa asing.

**Ketiadaan tempoh sah bagi Lesen Mesin Cetak (LMC) dan Permit Penerbitan (PP)** – Oleh kerana tiada tempoh had sah bagi pemegang permit/lesen mesin cetak, menyebabkan pihak pemegang permit/lesen tidak gusar untuk melakukan kesalahan memandangkan tiada tindakan pembaharuan yang perlu dilakukan seperti mana pemegang lesen kenderaan.

Keadaan ini turut menyukarkan pihak penguatkuasaan dalam pengemaskinian rekod pemegang permit/lesen kerana tiada tindakan pengemaskinian yang diwajibkan ke atas pemegang permit/lesen tersebut.

**Terdapat banyak barang/bahan penerbitan import** yang tidak dikenal pasti dan mempunyai ciri-ciri berunsur keganasan, pelampau agama, penyebaran ideologi yang bertentangan dengan prinsip Perlembagaan Malaysia. Barang-barang import ini kebiasaannya dalam bahasa asing atau bungkusan yang tidak jelas maklumat mengenai penjualan dan pengedarannya. Maka ia dipandang sebagai suatu produk jualan biasa yang tidak melanggar apa-apa undang-undang dan peraturan oleh anggota penguatkuasaan semasa melakukan pemeriksaan. Kebanyakan bahan penerbitan ini berselindung di bawah penerbitan berunsurkan motivasi, rujukan kesihatan dan sebagainya.

**Disebabkan kuasa siasatan hanya diberikan kepada pihak Jabatan Siasatan Jenayah (PDRM)** maka proses siasatan selanjutnya menghadapi cabaran apabila pihak yang melakukan rampasan adalah pihak PKK. Ini mengakibatkan berlakunya putus rangkaian pembuktian (*break chain of evidence*).

**Menghadapi kesukaran bagi menyiasat dan membuat pengesyoran** terhadap terbitan berunsur komunis yang berakhir dengan keputusan, “Tiada Tindakan Lanjutan” (NFA) yang diputuskan oleh pihak Timbalan Pendakwa Raya dengan alasan penerbitan tersebut telah dihentikan dan tiada di pasaran.

**Kesukaran dalam pembuktian** bagi kesalahan sebagai contoh menerbitkan bahan penerbitan yang mengganggu gugat keharmonian kaum. Pembuktian yang lengkap memerlukan kerjasama dari pihak yang dituduh yang sukar didapati terutama melibatkan organisasi media yang besar. Di samping itu, kepakaran dalam bidang penerbitan diperlukan bagi membolehkan elemen penting pembuktian dapat dikemukakan. Ini termasuklah keseluruhan proses penerbitan perlu diketahui dari mula hingga akhir proses. Sebagai seorang pegawai penyiasat, proses-proses ini perlu difahami sedangkan proses tersebut adalah rumit di mana ia melibatkan perkara-perkara seperti penggunaan

perisian, pengeditan dan pandangan pakar. Hal ini akan menjelaskan kes walaupun mempunyai input tentang proses-proses penerbitan dijalankan.

**Siasatan yang dibuat ada kalanya mengambil masa yang lama** berkaitan isu penerbitan. Perkara ini sekali gus tidak lagi menjadi suatu isu berkaitan ketenteraman awam seperti yang berlaku terhadap buku mantan Peguam Negara, Thommy Thomas yang didapati terlalu lama untuk membuat siasatan terhadap kesalahan di bawah AMCP 1984. Kawal selia penerbitan di bawah AMCP 1984 tidak berupaya dibuat secara menyeluruh oleh sebab akta ini hanya terpakai bagi penerbitan fizikal tanpa keterlibatan penerbitan secara dalam talian. Sedangkan matlamat utama AMCP 1984 adalah untuk mengawal penerbitan yang mampu menganggu gugat keselamatan dan ketenteraman awam.

**Tiada keselarasan fatwa antara negeri.** Buku yang telah difatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri hanya terpakai untuk negeri yang difatwakan sahaja. Contohnya, buku yang diharamkan di negeri Johor masih boleh dibeli dan dipasarkan di negeri-negeri lain.

**Menghadapi cabaran apabila pembuktian** bagi kesalahan di bawah AMCP 1984 adalah sukar oleh sebab istilah-istilah seperti “menggemparkan” adalah tidak jelas. Istilah-istilah yang digunakan ini adalah mengelirukan khususnya terhadap orang awam kerana sering disalah erti tanpa terjemahan atau tafsiran yang tepat.

Manakala bagi **Objektif ke 2 iaitu membincangkan aspek penambahbaikan AMCP 1984 bagi meningkatkan kecekapan penguatkuasaan dan kawal selia terhadap bahan penerbitan**, dapatkan kajian adalah seperti berikut:

**Mewujudkan peruntukan berkaitan penubuhan Lembaga** yang berkuasa untuk melantik jawatankuasa/panel yang terdiri dari pelbagai kepakaran. Jawatankuasa/Panel yang dilantik perlu menilai dan mengemukakan syor kepada Lembaga untuk PL bagi bahan penerbitan yang disyaki dan ditahan. Penubuhan Lembaga dan pembentukkan panel akan memperkasakan keputusan PL yang mana pada ketika ini terdapat 16 kes (2013-2022) yang

telah dicabar di Mahkamah dan 8 kes dalam proses semakan dan 8 kes telah berjaya mendapat pembatalan PL. Kegagalan dalam mempertahankan keputusan PL adalah disebabkan kelemahan justifikasi yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian Pelesenan dan Penerbitan yang terdiri dari anggota penguatkuasa dan kakitangan pentadbiran.

**Dalam memastikan elemen kebebasan bersuara tidak disalahguna,** Pegawai Penguatkuasa dibenarkan untuk meminda dengan menghitamkan perkataan, ayat, kandungan yang mengandungi elemen lucah dan bertentangan dengan nilai moral masyarakat Malaysia. Tindakan ini adalah penting bagi memastikan bahawa hanya kesalahan yang besar dan mampu menjelaskan keselamatan masyarakat dan negara sahaja akan dikemukakan untuk pertimbangan Lembaga. Dalam menghadapi era perkembangan teknologi maklumat di mana semua maklumat boleh dicapai di hujung jari, adalah wajar kebebasan berkarya turut diberi selaras dengan sistem media Malaysia yang berkonseptkan Sistem Media Tanggungjawab Sosial dan bukannya Autokratik.

**AMCP 1984 diperluaskan kepada dunia media digital** atau lebih dikenali sebagai media atas talian. Perkembangan ini harus mencakupi bagi persempahan *stand-up comedy* yang nyata tiada sekatan atau peraturan dalam hal berkaitan sensitiviti agama dan menimbulkan ketidakharmonian. Keselamatan negara bukan melihat kepada medium yang digunakan tetapi impak adalah dari kandungan media itu sendiri. Tumpuan penguatkuasaan juga harus dilihat dari aspek pasaran terbuka “*free market*.”

Bagi memastikan pembuktian pendakwaan tidak menghadapi kegagalan, adalah wajar sekiranya bahan penerbitan yang dinyatakan di dalam akta **turut merangkumi hasil penerbitan atau penerbitan dalam proses pembuatan.** Ini adalah kerana berdasarkan pengalaman pendakwaan yang telah diambil tindakan oleh pihak Jabatan Siasatan Jenayah (PDRM) mendapati bahawa kegagalan dalam pembuktian pendakwaan adalah berkenaan kesukaran untuk pembuktian ‘*template*’ penerbitan tersebut adalah yang digunakan oleh organisasi media terbabit. Tambahan pula, pihak organisasi media sukar memberikan kerjasama dalam proses untuk mendapatkan bukti tersebut.

**Peruntukan kompaun** turut dicadangkan memandangkan peruntukan ini memberi alternatif kepada penyelesaian kes. Ini disebabkan sehingga kini, masih tiada kes berjaya dibawa kepada pendakwaan disebabkan kegagalan pihak JSJ mendapatkan bukti bagi membolehkan kes dibawa ke Mahkamah. Namun demikian, pelaksanaan tawaran kompaun dicadangkan bagi kesalahan kecil dan disediakan jadual/mekanisme untuk tawaran kompaun. Kesalahan kecil ini dikira di mana bahan penerbitan itu dilihat tidak menjelaskan keselamatan negara dan menyentuh elemen 3R (*Race, Religion dan Royalty*).

Dalam usaha penambahbaikan AMCP 1984 untuk lebih berkesan, **perbandingan terhadap akta yang berkaitan daripada negara lain** harus diambil kira. Ini bagi mengesan kelompongan selain menjana penambahbaikan. Antara negara yang dicadangkan adalah Singapura dan Brunei Darussalam bagi negara yang mempunyai kepelbagaian etnik selain dari pegangan nilai dan moral yang hampir sama. Sungguhpun demikian, perbandingan harus juga dibuat dengan negara-negara Komanwel seperti United Kingdom dan Australia.

Memandangkan bahan penerbitan banyak di pasaran, maka adalah wajar sekiranya **kuasa rampasan, siasatan dan pendakwaan diperluaskan kepada agensi penguatkuasa yang lain seperti PBT**. Ini adalah kerana, PBT merupakan agensi yang sangat hampir dengan masyarakat dan mempunyai keanggotaan yang ramai. Perluasan kuasa ini disyorkan juga kepada Agensi Penguatkuasa Maritim yang dapat mengekang aktiviti penyeludupan bahan penerbitan terlarang sekiranya dilakukan di perairan negara.

Meskipun terdapat pelbagai rungutan berkenaan negara ini mempunyai terlalu banyak akta yang menjurus kepada kesalahan yang sama, namun pihak penyelidik merasakan ianya adalah wajar dan relevan. Ini adalah kerana, sekiranya suatu kesalahan itu tidak dapat dibuktikan melalui akta contoh Akta A, tindakan pendakwaan boleh diambil mengunapakai Akta B, dengan menggunakan elemen pembuktian yang lain.

Bagi memperkasakan aktiviti penguatkuasaan, pihak penyelidik mencadangkan agar **diwujudkan kedudukan (rank) jawatan anggota penguatkuasa** yang layak untuk sesuatu tindakan. Sebagaimana yang

digunakan dalam Akta Polis 1967 yang mana serbuan perlu diketuai oleh Pegawai Polis berpangkat Inspektor ke atas. Hal ini perlu bagi mengelakkan berlakunya kesilapan semasa penguatkuasaan yang akan membawa kepada pandangan remeh masyarakat terhadap anggota penguatkuasa KDN.

Dalam memastikan pematuhan terhadap AMCP 1984, penyelidik mencadangkan agar **prosedur permohonan permit dan lesen mesin cetak dilonggarkan demi memudahkan pemegang taruh** untuk menjalankan perniagaan dengan sah dan seterusnya membawa kepada pematuhan terhadap undang-undang. Memandangkan kini, ancaman bukan sahaja datang dari penerbitan yang bersifat lucah, tetapi dari aspek keselamatan, agama dan undang-undang.

**Lambakan bahan penerbitan yang berunsur agama sebagai contoh buku terjemahan al-Quran ke bahasa ketiga** memerlukan penambahan tenaga pakar dalam bidang terjemahan khususnya dalam Bahasa Cina. Perkara ini adalah penting bagi membantu serta memudahkan urusan mualaf terutamanya dalam membuat rujukan dan menjalankan ibadah mengikut ajaran Islam yang sewajarnya. Perkara ini juga penting dalam urusan pendakwahan. Oleh yang demikian, penyelidik mencadangkan agar ditingkatkan kursus bagi Pegawai Penerbitan untuk mendalami bahasa ketiga dengan lebih baik.

Pemerkasaan penguatkuasaan harus bermula dengan **peningkatan pemahaman yang mendalam anggota penguatkuasa dalam aspek akta dan garis panduan yang berkaitan**. Untuk itu, penyelidik mencadangkan agar pengisian kursus dan latihan bagi anggota penguatkuasa diberi penekanan dalam aspek pemahaman akta, kursus forensik sesbuah penerbitan dan garis panduan. Dalam aspek fizikal pula, dicadangkan kursus dan latihan bersama agensi penguatkuasaan yang lain. Selain dari dapat menimba pengalaman dan pertukaran kemahiran, anggota penguatkuasa dapat pendedahan dalam aspek taktikal agensi penguatkuasaan yang lain.

**Penguatkuasaan akan lebih berkesan dengan penyertaan aktif masyarakat sebagai mata dan telinga pihak berkuasa.** Justeru, bagi mewujudkan kesedaran masyarakat terhadap bahaya bahan penerbitan terlarang ini, intervensi kerajaan adalah perlu. Intervensi program yang

dicadangkan adalah program kesedaran melalui khutbah Jumaat. Tindakan ini boleh dipanjangkan dengan penyediaan teks bagi agama lain seperti contoh khutbah agama Kristian. Dengan mengambil kesempatan terhadap perkembangan teknologi maklumat, intervensi program dalam mendidik masyarakat harus mengunapakai medium media baharu seperti *TikTok*, *Twitter*, *Facebook* dan lain-lain lagi.

## KESIMPULAN

Penyebaran dan pendedahan masyarakat terhadap bahan penerbitan yang berunsur komunisme, pelampau agama, bertentangan dengan nilai dan budaya, penyebaran ideologi yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan berupaya menjaskan kemoralan, agama, sosio budaya dan keselamatan negara. Hakikatnya, kepincangan dalam isu penguatkuasaan dan kawal selia harus ditangani dengan segera oleh kerajaan dalam aspek media ini. Selaras dengan itu, kajian bagi mengenalpasti cabaran dan isu penguatkuasaan di bawah AMCP 1984 merupakan tindakan yang tepat. Ini adalah kerana sesuatu undang-undang tidak akan berfungsi sekiranya penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan dengan efektif. Implikasi kajian ini dapat menyumbang idea kepada pembentukan polisi kerajaan berhubung penguatkuasaan dan kawal selia. Di samping itu, dapatan kajian dapat menyumbang kepada penambahbaikan dalam Garis Panduan Penerbitan dan penggubalan akta baharu yang dicadangkan iaitu Akta Penerbitan dan Mesin Cetak 20XX.

## **RUJUKAN**

- Perlembagaan Persekutuan  
Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984  
Akta Penapisan Filem 2002  
Akta Keterangan 1950  
Akta Polis 1967  
Akta Hasutan 1948  
Akta Komunikasi dan Multimedia 1998  
Kanun Keseksaan (Akta 547)
- Abdi, R., & Basarati, A. (2016). A critical analysis of the representation of Yemen crisis in ideologically-loaded newspaper headlines. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 16(3).
- Ahmad Sauffiyan Hassan. 2019. Pendemokrasian Media dan Cabaran Keselamatan dalam Era Digital. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 35(1):237-251
- Al-Saedi, H. T. J., & Jabber, K. W. (2020). A pragmatic study of newspaper headlines in media discourse: Iraq as a case study. *International Journal of Linguistics, Literature, and Translation*, 3(3), 48-59.
- Abdel Malek ElKadousi. (2022). *The Perception Of Self-Censorship Among Moroccan Journalist*. *The Journal of North African Studies*, Volume 27, 2022 - Issue 2
- Articles | Published Online: 27 May 2020  
Amira Sariyanti.2012. *Past and Present of Siebert & Colleagues' Four Theories of the Press: Sequential Modifications of Press Theories Associated with the Media's Social Obligations within the Framework of the Social Environment of the Day*. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*.14 (1):1–16
- Agbanu, V. N., Obeta, C., & Ezekwelu, K. (2015) Revisiting McLuhan's Predictions against the Emerging Threats to Global Peace and Security.

Abdul Munir Ismail. (2016) Pengaruh Media Massa Terhadap Akhlak Pelajar. [https://www.researchgate.net/publication/305474305\\_PENGARUH\\_MEDIA\\_MASSA\\_TERHADAP\\_AKHLAK\\_PELAJAR](https://www.researchgate.net/publication/305474305_PENGARUH_MEDIA_MASSA_TERHADAP_AKHLAK_PELAJAR).

Carroll, C.E., & McCombs, M.E. (2003). Agenda-setting effects of business news on the public's images and opinions about major corporations. *Corporate ReputationReview*, 6(1), 36-46.

Davis, B. L. (2021). *Anticipating social movement national security threats: Social media Content's potential in developing a structured analytical model* (Order No. 28410771). Available from ProQuest Dissertations & Theses Global; Publicly Available Content Database. (2514728781). Retrieved from <http://eserv.uum.edu.my/dissertations-theses/anticipating-social-movement-national-security/docview/2514728781/se-2>

Einat.T. 2004. Criminal Fine Enforcement In Israel Administration, Policy, Evaluation, And Recommendation. *Punishment & Society Journal*. 6(2): 175–194

Forum Komunikasi Vol. 15, No.2, 51-70, 2020

Fuller, G. B. 1965. A Comparison Of Intelligence And Perception In Emotionally Disturbed Children. 1. *Clin. Psychol. In Press*.

Hasmah Zainuddin .2009. Regulator and Enforcement: A Case Study On Malaysian Communication And Multimedia Commission (MCMC) Comparatively with FCC, IDA, OFCOM, And Other Regulators. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. Jilid.11.11(1):59-72

Hayden Macpherson. 2017. Is Freedom of Speech Under Threats in New Zealand? <https://www.rightminds.nz/articles/freedom-speech-under-threat-new-zealand-> diakses pada 20 Ogos 2022.

- Javed, S., & Mahmood, M. (2011). A critical discourse analysis of the news headlines of budget of Pakistan. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business*, 3(5), 120-129.
- Jason Gainous, Jason P. Abbott, Kevin M. Wagners. (2019) Traditional Versus Internet Media in a Restricted Information Environment: How Trust in the Medium Matters. *Political Behaviour*.
- Kallah, A. Y., Tanko, P. S., Achus, E. J., & Bewul, D. M. (2022). SECURITY THREAT IN NORTH EAST NIGERIA: FACTORS AND OPTIONS. *A Publication of Department of Peace Studies and Conflict Resolution Faculty of Social Sciences National Open University of Nigeria*, 322.
- Maria. (2021). Freedom of Speech Australia: Up to What Extent It is Tolerated. Concerns Journalism, Things to Know. <https://www.pijf.com.au/freedom-of-speech/> accessed 20/8/22.
- Mohd Safar Hashim. 1996. Mahathir dan Akhbar. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Nnamdi Tobechukwu Ekeanyanwu. (2017). *The Economic of Decline in the Media Industry: Survival Strategies of American Print Media Firms and Implications for a Diminishing Print Media Industry in Nigeria*. Journalism and Communication. Vol. 7, No. 8, 427-445.
- Mohamed Afiq Amani Mohamed Nahdirsha Rani Ann Balaraman (2020). Pelaporan Berita Buli dalam Akhbar Broadsheet Utusan Malaysia dan Tabloid Berita Harian di Malaysia.
- Mushtaq, B., & Jaisal, M. K. STUDY ON EVOLUTION OF JOURNALISM IN KASHMIR.
- Larana, E. (1994). New social movements: from ideology to identity. Temple University Press: Philadelphia.

Parveen, S., & Bhatti, M. N. (2018). Freedom of expression and media censorship in Pakistan: A historical study. *Journal of Historical Studies*, 4(2), 1-21.

Shahrul Nazmi Sannusi & Normah Mustaffa. (2015) Akhbar Versi Digital: Implikasi Terhadap Trend Sirkulasi Akhbar Bercetak Di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication Jilid 31(2)* 2015: 687-701.

Shahrul Nazmi & Ong Yi Min. (2016). Strategi Pemilihan Berita Halaman Hadapan Akhbar Berbahasa Melayu Dan Cina: Kajian Terhadap Berita Harian Dan China Press. *Jurnal Melayu Bil. 15(1)*

Shishkina, Alisa, and Leonid Issaev. 2018. "Internet Censorship in Arab Countries: Religious and Moral Aspects" *Religions* 9, no. 11: 358. <https://doi.org/10.3390/rel9110358>

Siti Suriani Othman, Liana Mat Nayan, Lee Kuok Tiung & Nik Norma Nik Hassan. (2018). Masa Hadapan Akhbar Malaysia dalam Masyarakat Jaringan. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication Jilid 34(4)* 2018: 214-231.

Sohana Abdul Hamid. (2016) Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. *E-Bangi, Journal of Social Science and Humanities Special Issue 1* (October 2016) 214-226, ISSN: 1823-884x

Wolfsfeld, G; Segev, E. and Sheaffer, T. (2013). Social media and the Arab Spring: Politics comes first. *The International Journal of Press/Politics*. Vol. 18 (2). pp. 15-137.

Oyero, O. (2011). Institutionalising children journalism education in Nigerian media and communications studies. *Global Media Journal African Edition*, 5(1), 97-114.

Ulum, O. G. (2016). Newspaper ideology: a critical discourse analysis of news headlines on Syrian refugees in published newspapers. *Turkish Studies*, 11(5), 541-552.